

BERITA HARIAN

DATE: 08 / 08 / 2007

Negara miskin berhak dapat pampasan: Dr M

BH - 8/8/2007

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan negara Barat membayar pampasan kepada negara miskin yang mengalami pengaliran keluar tenaga pakarnya ke negara kaya.

Ketika mengemukakan idea itu pada sesi dialog hari ketiga Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 berkata, cerdik pandai negara miskin mesti dianggap sebagai hak harta intelek (IP) dan perlu dibayar ganti rugi kerana menggunakan kepakaran mereka.

"Mereka (negara kaya) merompak dari kita, tetapi tidak membayar kita. Bagaimanapun, apabila mereka mengeluarkan ubat-ubatan termasuk ubat merawat Aids umpamanya, negara miskin perlu membeli pada harga mahal kerana negara Barat memegang hak patennya.

"Tetapi siapa yang melakukan penyelidikan. Ia mungkin doktor atau penyelidik yang dilatih dan dibiaya negara miskin tetapi bekerja di

negara kaya yang kemudian mengeluarkan ubat berkenaan," katanya selepas forum itu, semalam.

Beliau berkata, negara miskin mesti bersepakat untuk mendapatkan pampasan bagi kehilangan tenaga pakar yang mereka latih dengan membangkitkan perkara itu di forum antarabangsa.

"Negara sedang membangun mesti membangkitkan isu ini dan benar-benar memberi perhatian terhadap isu harta intelek kerana pihak asing mempergunakan tenaga kepakaran mereka," katanya sambil menambah negara miskin berhak mengenakan bayaran terhadap tenaga pakar yang mereka lahirkan seperti juga pengeluaran ubat-ubatan berkenaan berhak mengenakan harga tinggi bagi pelaburan mereka.

Justeru, Dr Mahathir berkata, negara sedang membangun mesti bersungguh-sungguh membangkitkan perkara itu dan bersama-sama mencari jalan bagi merealisasikannya.

Sementara itu, beliau bersetuju supaya perbincangan mengenai status Malaysia sama ada negara sekular atau Islam dihentikan segera kerana ia tidak menyumbang kepada kestabilan negara.

Dr Mahathir berkata, tidak ada mana-mana orang bukan Islam yang menderita dalam negara Islam seperti Malaysia, kecuali beberapa kes orang yang hendak murtad.

"Saya rasa perbincangan isu ini tidak akan membawa kita ke mana-mana, sebaliknya mewujudkan lebih banyak masalah. Selama ini kita semua daripada berbilang agama, kaum dan bahasa dapat hidup bersama secara aman damai,...jadi kenapa kita perlu ungkit masalah itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, masalah timbul apabila ada pelbagai pihak cuba menggunakan konsep kebebasan mutlak seperti di Eropah untuk diamalkan, tetapi masyarakat di Malaysia berbeza kerana perlu menjaga kestabilan masyarakat berbilang kaum.



DAPAT PENGHORMATAN: Dr Mahathir bersama isteri, Dr Siti Hasmah turut hadir pada dialog sesi kedua LID.